# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN PASIR MAS, KELANTAN

ROSAIDA BINTI IBRAHIM

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN EKOLOGI DAN SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

1100045587 Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
Perpustakaan

LI 49 FPE 2 2006

1100045587
Laporan akhir latihan industri di Pejabat Tanah dan Jajahan Pasi Mas, Kelantan / Rosaida Ibrahim.

**PERPUSTAKAAN**
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

| 1100045587 | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN PASIR MAS, KELANTAN

Disediakan oleh

ROSAIDA BINTI IBRAHIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DIHANTAR KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
2006

1100045587

**Pengesahan Keaslian Laporan**

Dengan ini saya ROSAIDA BINTI IBRAHIM mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

________________________

Nama : Rosaida binti Ibrahim

Tarikh : 29 OKTOBER 2006

Disahkan oleh :

________________________

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

**PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur di atas limpah kurnia dari Ilahi dapat juga saya menyempurnakan Latihan Industri di Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, Kelantan dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia kerana telah memberi persediaan secara fizikal dan mental untuk menghadapi alam pekerjaan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia industri KUSTEM iaitu En Syahrin bin Said kerana banyak membantu dalam memberi pandangan dan nasihat. Tidak lupa juga ucapan penghargaan untuk penyelia industri di Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, Kelantan iaitu En. Nik Ariff bin Nik Yaakob yang merupakan Pegawai Eksekutif di Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, Kelantan.

Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada semua pegawai dan kakitangan Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, Kelantan kerana banyak memberikan kerjasama sepanjang saya menjalani latihan industri di sini.

Sekian, terima kasih.

**RINGKASAN EKSEKUTIF**

Latihan Industri adalah merupakan satu program yang wajib bagi pelajar program Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) untuk memenuhi keperluan pengijazahan. Kod kursus bagi Latihan Industri ialah SOS 4299 dan ianya merangkumi 6 jam kredit daripada 103 jam kredit yang perlu dimbil sebelum bergraduat. Pelaksanaan program Latihan Industri ini dapat memberi pendedahan yang awal kepada para pelajar ke alam pekerjaan bagi membolehkan pelajar menyesuaikan diri apabila berada dalam situasi pekerjaan sebenar serta memperolehi pengalaman. Pihak universiti juga dapat mengetahui maklumbalas yang sebenar dari masyarakat mengenai pembelajaran yang dijalankan daripada Latihan Industri ini.

Latihan ini juga dapat memberi maklumat kepada pihak universiti untuk mempengaruhi dan memperbaiki sistem pembelajaran dari semasa ke semasa bagi mencapai matlamat menuju ke arah wawasan yang membolehkan pihak universiti melahirkan graduan-graduan yang mampu berdaya saing dan dinamik serta melahirkan sumber manusia yang berkaliber, berinovasi serta berkualiti.